

NO. SOALAN: 136

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)**

RUJUKAN : 9728

SOALAN:

**Laksamana Pertama Mohamad Imran Bin Abd Hamid (B)
[Lumut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik
berapa banyakkah lesen senjata api yang dikeluarkan kepada individu
dan syarikat-syarikat keselamatan sehingga 31 Disember 2016.**

JAWAPAN:

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 52,471 lesen
senjata api telah dikeluarkan kepada individu manakala 14,159
bagi syarikat kawalan keselamatan sehingga 31 Disember 2016.**

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS
DARIPADA**

**: LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B) [LUMUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Laksamana Pertama Mohamad Imran Bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan terkini Projek 1 BestariNet yang dianugerahkan kepada YTL Communication bagi menyediakan infrastruktur jalur lebar 4G berkelajuan tinggi untuk 10,000 sekolah di seluruh negara yang diperuntukkan sebanyak RM4.7 bilion yang sepatutnya telah siap pada Jun 2014.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah membuat pembayaran sebanyak RM4.7 billion bagi perkhidmatan 1BestariNet. Sehingga Jun 2014 KPM telah membayar sebanyak RM638,396,638.06 bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan.

Kerajaan telah menawarkan kerja pembekalan perkhidmatan 1BestrariNet secara berfasa melalui tender terbuka. Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 KPM dengan pembekal perkhidmatan iaitu YTL

Communications, menetapkan sasaran bagi tempoh 3 tahun (1 Julai 2016 – 30 Jun 2019) sebanyak 9,732 sekolah dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2. Baki sekolah iaitu sebanyak 441 buah akan dirangkaikan dalam fasa 3 atau mungkin lebih awal (dalam fasa 2) sekiranya infrastruktur asas telekomunikasi disediakan dalam tempoh pelaksanaan fasa 2. Sehingga 8 Mac 2017 bilangan sekolah yang menerima perkhidmatan 1BestariNet ialah sebanyak 8,986 sekolah. Sekolah-sekolah yang belum menerima perkhidmatan 1BestariNet dibenarkan melanggan perkhidmatan pembekal internet lain (ISP) yang terdapat di lokasi setempat.

SOALAN (138)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN
BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

SOALAN :-

**YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B)
[LUMUT] minta PERDANA MENTERI menyatakan alasan-alasan
munasabah kepada rakyat Malaysia bahawa Malaysia tidak akan
menjadi negara maju menjelang tahun 2020.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek ekonomi, antara faktor yang penting dan dianggap kritikal untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 ialah membentuk ekonomi yang produktif, berdaya saing, berdaya tahan dan bersifat inklusif. Untuk itu, adalah kritikal bagi negara untuk beralih kepada ekonomi yang berintensifkan pengetahuan dan inovasi dengan meningkatkan produktiviti pekerja, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif, kreatif dan berinovatif yang mampu membentuk ekonomi yang dinamik sebagai sumber pertumbuhan pada masa hadapan.

Antara cabaran utama yang kita hadapi dalam mencapai status negara maju adalah untuk meningkatkan tahap produktiviti setanding dengan negara-negara maju dan beberapa negara membangun. Di samping itu, negara masih lagi bersaing dengan negara-negara serantau dari segi ekonomi berintensif buruh dengan kos rendah berbanding model berintensif modal dan teknologi. Oleh itu, terdapat potensi yang besar

bagi negara untuk membuat lonjakan dan merapatkan jurang perbezaan ini.

Cabar kedua adalah melahirkan tenaga kerja bertaraf negara maju dari segi kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional serta paras produktiviti yang tinggi.

Cabar ketiga yang dihadapi adalah menggerakkan lagi sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan dan tidak terlalu bergantung kepada Kerajaan.

Malaysia yakin mampu menangani cabaran ini dan mencapai sasaran status negara maju menjelang tahun 2020 di sebalik keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Matlamat ini boleh dicapai melalui pelaksanaan pelbagai projek dan program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMK11) serta teras strategi termasuk pemacu perubahan yang telah dikenal pasti. Antara lain, fokus akan diberi kepada inovasi dan produktiviti untuk meningkatkan daya saing negara dan menentukan pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Kerajaan juga akan terus melaksanakan agenda

transformasi ekonomi untuk merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara supaya dapat mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat.

Pencapaian dari aspek sosial turut penting, iaitu dari segi mengekalkan kemakmuran, amalan demokrasi dan perpaduan serta mengukuhkan keutuhan nilai moral dan etika, sifat liberal dan bertolak ansur, dan pemeliharaan institusi kekeluargaan.

Justeru, semua pihak perlulah bersama-sama merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk terus mengekalkan prestasi pembangunan yang baik dan tingkatkan semangat patriotisme kepada negara, serta tidak melakukan sesuatu dan menimbulkan persepsi negatif yang akan menjaskan ekonomi, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS
DARIPADA**

**: TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar enrolmen terkini bagi murid sekolah rendah dan menengah, diperincikan mengikut jenis dan jurusan sekolah seperti Sekolah Kebangsaan, Jenis Kebangsaan (Cina), Jenis Kebangsaan (Tamil), Agama, Teknik dan Vokasional.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 21 Februari 2017, enrolmen murid mengikut jenis sekolah adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Sekolah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	Sekolah K9	1,679	1,659	3,338
2	Kolej Vokasional	34,047	19,286	53,333
3	Sekolah Model Khas	5,432	5,914	11,346
4	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Rendah	8,197	8,264	16,461
5	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Menengah	30,632	38,963	69,595
6	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih	69	46	115

Bil.	Jenis Sekolah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
7	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	268,906	258,499	527,405
8	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	41,066	40,437	81,503
9	Sekolah Kebangsaan	1,051,420	993,015	2,044,435
10	SK Pendidikan Khas	652	533	1,185
11	SM Berasrama Penuh	18,293	18,686	36,979
12	SM Kebangsaan	934,882	948,176	1,883,058
13	SM Kebangsaan Agama	15,296	23,017	38,313
14	SM Pendidikan Khas	587	476	1,063
15	SM Teknik	1,741	1,638	3,379
16	Sekolah Seni	394	505	899
17	Sekolah Sukan	1,006	517	1,523
	Jumlah	2,414,299	2,359,631	4,773,930